

08 AUG 1996

Everest-penaja

PROJEK MALAYSIA-EVEREST '97 PERLU BANYAK LAGI PENAJA

KUALA LUMPUR, 8 Ogos (Bernama) -- Projek Malaysia-Everest '97 memerlukan lebih banyak lagi syarikat komersil untuk menjadi penaja rasminya bagi menampung kos usaha sulung kerajaan untuk menakluki Gunung Everest di Nepal tahun depan.

Projek yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu dianggarkan menelan belanja RM4.5 juta.

"Kita memerlukan lebih banyak lagi penaja bagi merealisasikan projek ini...dan setakat ini saya diberitahu bahawa ramai yang berminat", kata Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Haji Muhyiddin Yassin selepas upacara menandatangani perjanjian Projek Malaysia-Everest dengan empat buah organisasi di sini hari ini.

Empat buah organisasi yang menandatangani perjanjian dengan projek Malaysia

- Everest itu ialah Dynasty Hotel, SMH Trading (M) Sdn Bhd -- pembekal jam tangan Longines, Eveready Battery Company (M) Sdn Bhd dan The China Press Bhd.

Katanya, jumlah yang diperlukan bagi membiayai projek itu dijangka dapat diketahui selewat-lewatnya akhir bulan ini memandangkan semakin banyak syarikat komersil yang sanggup tampil untuk menjadi rakan penaja.

Bagaimanapun beliau enggan mengulas jumlah tajaan yang diperolehi setakat ini sejak Projek Malaysia-Everest dilancarkan oleh Perdana Menteri 4 Jun lepas.

Projek anjuran Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Persatuan Mendaki Bukit Malaysia (PMM) itu dijayakan dengan kerjasama Kumpulan Utusan yang menjadi akhbar rasmi, RTM dan Yayasan Budaya Sukan Malaysia (YBSM).

Sebagai persediaan untuk mencatat sejarah negara pertama di rantau Asia Tenggara menakluki puncak Everest yang tingginya 29,028 kaki itu, seramai 20 orang pendaki negara yang menjadi ahli PMM kini giat menjalani latihan.

Di bawah bimbingan jurulatih Guy Cotter dari Adventure Expedition England, para pendaki itu telah memulakan latihan sejak Januari lagi, yang antaranya lebih menekankan kepada aspek kecergasan fizikal dan mental serta taktik pendakian.

Sebelum PMM mengumumkan senarai sepuluh orang pendaki yang akan dipilih bagi mengetuai cabaran negara menakluki puncak Everest nanti, mereka akan diuji dalam satu latihan pra Everest yang akan diadakan bulan depan.

Latihan itu akan diadakan di Gunung Cho Oyu yang tingginya 8,200m dan Gunung Kamet (7500m) di Nepal.

Menurut Presiden PMM, Nor Ramlle Sulaiman, pemilihan skuad terakhir itu akan berdasarkan kepada pengalaman, kemahiran serta ketahanan fizikal dan mental yang telah mereka lalui sebelum terpilih sebagai pendaki yang akan dipertanggungjawabkan untuk mengibar bendera Malaysia di puncak Everest.

Ekspedisi menakluki kemuncak dunia itu akan bermula Mac tahun depan. --

BERNAMA

AHA OBA